

Generasi muda perlu ganding bahu perjuang citra bahasa kebangsaan

KOTA KINABALU: Generasi muda terutama golongan pelajar sekolah rendah dan menengah perlu diajak berganding bahu untuk memperjuangkan citra bahasa kebangsaan, kata Menteri Belia dan Sukan negeri Tan Sri Joseph Kurup.

Beliau berkata, ini memastikan jati diri kebangsaan mereka terus dipupuk untuk mengelak menghadapi krisis identiti diri.

Katanya, perjuangan citra bahasa kebangsaan itu juga perlu mencontohi penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik yang diwajibkan bermula tahap satu di sekolah rendah dan tadika.

Beliau berucap merasmikan Forum Pelajar peringkat negeri di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, kelmarin.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Datuk Noni J Said dan Pengarah DB-PS Cawangan Sabah Zaini Oje @ Ozea dan Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia



UNGGUL...Lima pelajar SMK Tawau (tengah) diapit wakil pelajar SMK Tenom (kanan) dan SMK Papar (kiri).

Sabah (UMS), Dr Mohd Shukery Hashim.

Kurup berkata, dengan adanya kesedaran generasi muda terhadap perjuangan bahasa kebangsaan itu juga dapat mengurangkan keberangkalan yang menjeruskan mereka mempunyai ciri budaya barat moden kerana zaman yang telah memasuki era 'langit terbuka'

atau 'kampung sejagat'.

Pada pertandingan itu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tawau muncul johan menerima hadiah piala, buku terbitan DBP dan wang tunai. Tempat kedua dan ketiga ialah SMK Tenom dan SMK Majakir, Papar.

Kemenangan itu juga melayakkan SMK Tawau

mewakili negeri ke pertandingan Forum Pelajar peringkat kebangsaan.

Wakil SMK Tawau, Noorhayati Ardi Bambang dan Mohd Khairul Syam Nurdin melengkapkan kemenangan sekolah apabila dipilih sebagai Pengerusi terbaik dan ahli panel terbaik. **-OLEH YATIM TAUBATAL ANDAM**